



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 18 JANUARI 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	EMPANGAN UTAMA DI KEDAH MENYUSUT, NASIONAL, BH -39	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
2.	DROUGH FEAR AS 3 KEDAH DAMS DRY UP, NEWS/NATION, NST -6	
3.	GUNA STRAW SERAI BUKAN ARAHAN WAJIB, NASIONAL, SH -8	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Empangan utama di Kedah menyusut

Penurunan peratusan terkawal, orang ramai diminta berhemat guna air

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhanews@bh.com.my

Alor Setar: Kedudukan air di tiga empangan utama di negeri ini semakin menurun dengan kapasiti Empangan Muda berada pada tahap 16.1 peratus semalam.

Bagaimanapun, Pengurus Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Fouzi Ali, berkata kapasiti air Empangan Abning semalam 62 peratus dan Empangan Pedu sebanyak 46.7 peratus masih mampu dilepaskan untuk kegunaan pertanian dan domestik.

"Minggu lalu (6 Januari), jumlah peratusan air di Empangan Muda adalah 26.72 peratus, Em-

pangan Abning (64.47 peratus) dan Empangan Pedu (50.18 peratus).

"Terdapat penurunan peratusan jumlah air terkawal dan MADA masih boleh melakukan pelepasan harian sebanyak 113 meter padu sesaat bagi menampung keperluan penanaman padi dan domestik," katanya ketika dihubungi, semalam.

Bagaimanapun, Fouzi berkata, apabila paras takungan air Empangan Pedu turun melepasi paras 27 peratus, keutamaan pelepasan air akan dibertik kepada kegunaan domestik saja.

"Justeru, kami memohon semua pesawah dapat mengopti-



Paras air di Empangan Muda semakin menurun dengan kapasiti hanya berada pada kadar 17.88 peratus yang direkodkan dua hari lalu. (Foto BERNAMA)

mumkan penggunaan air dari tidak melakukan pembaziran air di sawah.

"Kawasan sawah yang tinggi perlu dipam dan pihak MADA akan berusaha memastikan paras air di sungai serta tali air berada pada paras yang sesuai untuk pengairan," katanya.

Kelmarin Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk Jaseni Maidinsa, dilaporkan berkata paras air di dua empangan utama negeri itu - Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang - berada jauh lebih rendah dari pada kapasiti efektif biasa disebabkan oleh musim kemarau, de-

**Terdapat penurunan peratusan jumlah air terkawal dan MADA masih boleh melakukan pelepasan harian sebanyak 113 meter padu sesaat bagi keperluan penanaman padi dan domestik.**

Fouzi Ali,  
Pengurus MADA

ngan masing-masing berada pada paras 62 peratus dan 39.5 peratus yang disifatkan sebagai rekod terburuk.

Beliau berkata pihaknya akan memastikan kapasiti sedia ada mampu bertahan sehingga bermulanya musim hujan pada April atau Mei ini.

Justeru, Jaseni memohon kerjasama dan sokongan rakyat di negeri ini untuk menggunakan air secara berhemat dengan mengurangkan kekerapan mencuci kereta atau motosikal, mengelakkan penggunaan hos untuk menyiram kebun atau pokok setiap hari dan menutup semua paip selepas digunakan.

## RECEDING LEVELS

# DROUGHT FEAR AS 3 KEDAH DAMS DRY UP

Once Pedu dam hits 27pc, water will be released for domestic use only

NOORAZURA ABDUL RAHMAN  
**ALOR STAR**  
news@nst.com.my

**T**HE water level at three dams in the state continues to recede, with the Muda dam standing at 16.1 per cent yesterday.

The Muda Agricultural Development Authority (Mada) general manager Datuk Fouzi Ali, however, said water levels at the Ahning and Pedu dams were at 62 per cent and 46.7 per cent, respectively, and could supply water for agricultural and domestic use.

"Last week, the water level at the Muda dam was 26.72 per cent, Ahning dam at 64.47 per cent and Pedu dam at 50.18 per cent.

"Despite the decline, Mada is able to release the water daily at 113 cubic metres per second to meet the demands of padi farming and domestic use," he said yesterday.

He said should the level at the



*Boats lined up on the dry shores of Tasik Gubir near the Pedu dam following the hot spell in Kedah recently. PIC BY SHARUL HAFIZ ZAM*

Pedu dam decline to 27 per cent, water would only be released for domestic use.

As Thailand is expected to face its worst dry season in 40 years, parts of Kedah and Penang have also been hit by dry weather.

In **Pokok Sena**, Kedah, 35 padi farmers in the Pokok Sena Farmers Organisation (PPK) claimed that they lost almost RM1 million when 72ha of their padi fields were affected by the hot weather since last month.

Pokok Sena PPK chief Azami Shawal was quoted by Bernama as saying that most of their crops were damaged and their fields had developed cracks.

In **Kepala Batas**, Penang, farmers in Seberang Prai Utara affect-

ed by the drought would be supplied with water by the state agricultural authorities.

Bernama reported that the Penang Agriculture Department, Integrated Agricultural Development Area of Penang (Iada) and the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) have been told to deploy mobile pumps.

Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Sim Tze Tzin said the authorities would deploy 34 pumps to affected areas.

It is understood that 1,164ha of fields in Seberang Prai Utara had been hit by drought, affecting 827 farmers in Paya Keladi, Pinang Tunggal and Pantai Kamloong.

# Guna straw serai bukan arahan wajib

Penggunaannya ditentukan sendiri pengusaha kafe di hospital

Oleh NORMAWATI ADNAN

IPOH

**K**ementerian Kesihatan (KKM) tidak berhasrat untuk mewajibkan pengusaha kafe di hospital kerajaan menggunakan serai sebagai penyedut minuman bagi menggantikan straw plastik seperti disarankan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Timbalan Menteri, Dr Lee Boon Chye berkata, keputusan menggunakan bahan itu akan ditentukan sendiri oleh operator kafe bergantung kepada kesan ekonomi.

"Jika mereka merasakan perkara itu tidak membebankan dari segi ekonomi dan ia praktikal, sudah tentu mereka akan laksanakan,"

"Bagi pihak kementerian, kita tidak mewajibkan, namun kita menggalakkan memandangkan ia satu cadangan yang baik," katanya ketika ditemui pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Klinik Kesihatan Bijeh Timah di sini semalam.



Boon Chye pada sidang akhbar di Ipoh semalam.

**Kos bagi straw yang diperbuat daripada jagung dan serai ini mungkin jauh lebih mahal berbanding plastik."**

Boon Chye berkata, pada masa ini, orang ramai masih mempunyai alternatif lain bagi menggantikan penyedut minuman plastik seperti yang diperbuat daripada jagung dan kertas.

"Kos bagi straw yang diperbuat daripada jagung dan serai ini mungkin jauh lebih mahal berbanding plastik, tetapi kita

juga tahu jika terus menggunakan straw plastik akan ada masalah kepada alam sekitar.

"Dari segi ekonomi pula saya yakin jika penggunaan straw serai akan meningkat dan kosnya akan turun. Jadi ia sesuatu yang perlu dipertimbangkan juga," katanya.

Rabu lalu, Pengerusi KADA, Datuk Husam Musa dilaporkan berkata, penggunaan serai sebagai penyedut minuman akan diperluaskan ke kafe hospital termasuk kepada pesakit bagi menggantikan straw plastik.

Husam berkata, pihaknya akan memajukan penggunaannya kepada kafe Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) untuk orang ramai atau pesakit kerana ia adalah daripada bahan semula jadi.